

Submission date: 01.03.2025 Accepted date: 13/03/2025 Published date: 01/09/2025

**Pendekatan Syarikat Ar Rasyidin Consultancy (ARC)
dalam menangani Isu Aset Beku di Malaysia
(*The Approach of Ar Rasyidin Consultancy (ARC) in
addressing the Issue of Frozen Assets in Malaysia*)**

**Mustaqim Roslan, M.* & Luhamul Ashfia, S. B. C.
Universiti Sultan Azlan Shah**

***Corresponding Author: muhd.mustaqim@usas.edu.my**

Abstrak

Aset beku di Malaysia sering terjadi apabila berlakunya kematian kepada pemilik aset dan ia tidak dapat dicairkan kepada pemilik baharu. Hal ini kerana pemilik aset tidak melakukan perancangan baik melibatkan dokumen khas bagi melancarkan proses pindah milik selepas ketiadaannya. Kesannya, aset beku yang direkodkan hingga kini telah mencecah RM90 billion dan amat menyedihkan apabila sebahagian besarnya adalah hak milik orang Islam. Pelbagai mekanisme telah diambil oleh pelbagai syarikat pengurusan harta di Malaysia ini termasuklah syarikat Ar Rasyidin Consultancy (ARC) bagi memastikan pengurusan ekonomi orang Islam terjamin. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pengurusan harta yang dilakukan oleh syarikat ARC dalam menangani isu aset beku di Malaysia. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan pengarah dan pegawai-pegawai syarikat ARC. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Dapatan menunjukkan terdapat empat kaedah utama yang digunakan oleh syarikat ARC dalam menangani isu aset beku di Malaysia iaitu saranan melakukan perancangan asas, galakan mengambil geran takaful, sasaran kepada

golongan berpendapatan tinggi dan proaktif dalam merekrut ejen. Pelan tindakan yang drastik dicadangkan kepada kerajaan Malaysia dalam memastikan aset beku dapat dicairkan demi kelangsungan ekonomi orang Islam di negara ini. Kajian lanjutan diperlukan dalam penerokaan kaedah baharu yang lebih komprehensif agar aset-aset beku di Malaysia dapat diselesaikan segera.

Kata Kunci: Aset Beku, Harta Pusaka, Kematian, Pindah Milik, Syarikat Ar Rasyidin Consultancy

Abstract

Frozen assets in Malaysia often occur when the owner of the assets passes away, and the assets cannot be transferred to new owners. This is primarily due to the lack of proper planning involving specific documents to facilitate the transfer process after the owner's demise. Consequently, the recorded frozen assets have reached RM90 billion, which is particularly disheartening as a significant portion belongs to Muslims. Various mechanisms have been adopted by asset management companies in Malaysia, including Ar Rasyidin Consultancy (ARC), to ensure the economic security of the Muslim community. Therefore, this article aims to analyze the asset management methods employed by ARC in addressing the issue of frozen assets in Malaysia. The philosophy underlying this study is interpretive, employing a case study approach as the research strategy. A qualitative design was adapted for this study, integrating document analysis and semi-structured interviews involving the company's directors and officers. Once the document data and interview data were collected, content analysis was again applied during the data analysis process, with the findings categorized thematically. The findings indicate that ARC employs four primary methods to address the issue of frozen assets in Malaysia: recommending essential planning, encouraging the adoption of takaful grants, targeting high-income groups, and proactively recruiting agents. Drastic action plans are proposed for the Malaysian government to ensure that frozen assets can be liquidated to sustain the economic wellbeing of the Muslim community in the country. Further research is required to explore more comprehensive methods to effectively resolve the frozen asset issue in Malaysia.

Keywords: Frozen Assets, Inheritance, Death, Transfer Of Ownership, Ar Rasyidin Consultancy.

Pengenalan

Harta adalah salah satu elemen yang amat penting dalam kehidupan manusia, sama ada memenuhi keperluan kehidupan ataupun meningkatkan taraf kehidupan. Justeru, pengurusan harta perlu dilakukan dengan baik kerana harta merupakan amanah daripada Allah SWT termasuklah pengurusan harta pusaka. Harta pusaka adalah segala harta yang ditinggalkan selepas pemilik meninggal dunia. Pengurusan dan perancangan yang teliti oleh pemilik perlu dilakukan ketika hidup agar masalah seperti pembekuan aset dapat dielakkan (Syaryanti et al., 2023). Selain itu, ia dapat memastikan harta peninggalan boleh diberikan dan dimanfaatkan kepada ahli yang berkeelayakan (Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad, 2013). Perancangan harta pusaka umat Islam di negara ini adalah sangat diperlukan dalam menangani isu aset beku di Malaysia. Aset beku ini terjadi apabila berlakunya kematian kepada pemilik aset dan ia tidak dapat dicairkan kepada pemilik baharu. Secara umumnya, berdasarkan pengamalan perundangan di Malaysia, segala aset si mati akan disekat terlebih dahulu dari sebarang transaksi termasuk urusan pengagihan kepada si waris atau golongan yang berkeelayakan untuk mendapat hibah atau wasiat (Nur Fadlin Roslan & Azlin Alisa Ahmad, 2022).

Walaupun begitu, masih ramai pemilik aset tidak melakukan perancangan yang baik melibatkan dokumen khas bagi melancarkan proses pindah milik sebelum ketiadaannya. Masalah ini bukanlah suatu yang baru, tetapi sudah berlanjutan lama. Menurut Mohd Ali Mohd Yusuf & Basri Ibrahim (2021), berbilion harta umat Islam tidak dapat dicairkan. Menurut sebuah akhbar Berita Harian (2016) pula, walaupun belum dapat diperincikan jumlah aset orang Islam dan bukan Islam, sebanyak RM60 bilion aset beku di Malaysia yang merangkumi rumah, tanah dan wang tunai. Aset beku yang direkodkan hingga kini telah mencecah RM90 bilion dan amat menyedihkan apabila sebahagian besarnya adalah hak milik orang Islam (Harian Metro, 2024). Banyak pihak menyatakan saranan dan galakan supaya isu berkenaan aset umat Islam yang tidak produktif ini dapat ditangani. Masalah ini bukan sekadar berkenaan dengan pembahagian harta pusaka semata-mata, bahkan melibatkan skop yang lebih besar dalam

ekonomi umat Islam. Memberikan semula hak dan harta milik waris, seterusnya secara tidak langsung mampu memberikan sumbangan dalam mengukuhkan ekonomi umat Islam di Malaysia secara amnya. Pelbagai mekanisme telah diambil oleh pelbagai syarikat pengurusan harta di Malaysia ini bagi memastikan pengurusan ekonomi orang Islam di negara ini terjamin termasuklah syarikat Ar Rasyidin Consultancy (ARC).

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pengurusan harta yang dilakukan oleh syarikat ARC dalam menangani isu aset beku di Malaysia. Kajian ini penting dalam memberikan alternatif terhadap aset beku umat Islam khususnya di samping pendekatan lain yang diperlukan bagi menangani isu ini. Nilai aset beku pada hari ini adalah jumlah yang amat besar dan dimanfaatkan selain daripada memberikan ruang penyelesaian terhadap tuntutan harta pusaka di Malaysia. Ekonomi umat Islam akan menjadi semakin lemah pada masa akan datang jika pengurusan terhadap harta sedia ada dan aset beku yang tidak efisien berlanjutan disebabkan aliran harta tidak berlaku. Harta pusaka yang ditinggalkan jadi terbiar dan waris tidak dapat memanfaatkan harta pusaka dalam membangunkan ekonomi (Nur Fadlin Roslan & Azlin Alisa Ahmad, 2022). Sehubungan dengan itu, artikel ini akan menjawab satu soalan sahaja, iaitu apakah kaedah pengurusan harta yang dilakukan oleh syarikat ARC dalam menangani isu aset beku di Malaysia?

Sorotan Kajian

Kajian literatur merujuk kepada ulasan kepustakaan yang diperoleh daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, prosiding, tesis, kertas projek, dan sebagainya (Ghazali & Sufean, 2016). Bagi menguatkan lagi perbincangan kajian ini, pengkaji telah meneliti beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan isu aset beku di Malaysia. Salah satu kajian penting yang dijadikan rujukan adalah kajian yang ditulis oleh Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzlinna Shah Shahr, dan Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan (2016), bertajuk **"Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Harta Pusaka Beku Di Malaysia"**. Dapatan kajian ini menjelaskan beberapa faktor utama yang menyebabkan harta pusaka di Malaysia terbeku, antaranya ialah pemilik harta yang tidak menguruskan hartanya dengan baik, waris yang tidak peka dengan tanggungjawab mereka, serta faktor berkaitan perundangan di Malaysia. Kajian ini secara tidak langsung membuka ruang untuk perbincangan lanjut, terutamanya dari perspektif

langkah penyelesaian atau pendekatan yang perlu diaplikasikan selepas mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan harta menjadi beku.

Kajian oleh Resali Muda (2016) bertajuk **"Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran"** pula menjelaskan secara mendalam mengenai sistem dan proses pengurusan harta pusaka yang termaktub dalam undang-undang Malaysia. Kajian ini membincangkan konsep perundangan harta pusaka dalam Islam dan isu pentadbirannya di Malaysia. Selain itu, kajian ini menjelaskan berkenaan kekeliruan yang berlaku dalam kalangan masyarakat disebabkan perundangan harta pusaka adalah tertakluk kepada undang-undang sivil dan bukan undang-undang syariah. Isu utama yang dibincangkan ialah pentadbiran harta pusaka umat Islam di Malaysia lebih cenderung mengikut undang-undang sivil berbanding syariah. Keadaan ini menyukarkan pengurusan kerana kurangnya pemahaman dalam kalangan masyarakat, kecuali pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan harta pusaka atau industri yang berkaitan. Walaupun kajian ini memberikan penjelasan secara khusus harta pusaka daripada perspektif undang-undang, namun masih terdapat kekurangan dalam penjelasan mengenai cadangan penyelesaian bagi menangani isu aset beku di Malaysia.

Selain itu, kajian Nur Fadlin Roslan dan Azlin Alisa Ahmad (2022) bertajuk **"Pentadbiran Harta Pusaka dan Implikasi Negatif Harta Tidak Dituntut"** turut disoroti pengkaji. Kajian ini memperincikan institusi dan agensi yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka, seperti Amanah Raya Berhad, Mahkamah Tinggi Sivil, dan lain-lain. Selain itu, artikel ini juga menjelaskan implikasi negatif yang timbul akibat harta yang terbeku, termasuk kesan terhadap aspek harta, sosial, dan ekonomi. Walaupun begitu, kajian ini tidak memberikan sebarang cadangan solusi terhadap isu kajian. Seterusnya, kajian oleh Nik Rahim Nik Wajis e tal., (2018), bertajuk **"Harta Tidak Dituntut: Punca Dan Kaedah Penyelesaiannya"**, menyentuh isu yang hampir serupa dengan kajian ini, dengan mencadangkan solusi berkaitan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap masalah harta beku namun, ruang persoalan mengenai kewujudan alternatif lain masih tetap terbuka untuk diterokai. Kajian lepas menunjukkan bahawa solusi terhadap isu aset beku masih kurang dibincangkan. Oleh itu, kajian ini berpeluang meneroka alternatif

berpotensi untuk mengatasi masalah tersebut, khususnya dalam pengurusan harta pusaka di Malaysia.

Metodologi Kajian

Metodologi boleh dimaksudkan dengan kaedah yang boleh digunakan untuk mendapatkan informasi dan maklumat melalui langkah yang sistematik. Seluruh tujuan bagi menjalankan kajian dapat dicapai dengan menggunakan kaedah dan pendekatan yang tepat (Nur Aishah & Mustaqim Roslan, 2024). Metodologi kajian juga mengandungi tiga perkara penting iaitu reka bentuk, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengadaptasikan falsafah *interpretif* iaitu usaha untuk mencari penjelasan mengenai peristiwa sosial atau budaya mengikut sudut pandang dalam lingkungan kawasan yang dianalisis (Muslim, 2016). Kajian ini menggunakan reka bentuk gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur yang melibatkan pegawai dan kakitangan di ARC. Menurut Ritchie et al. (2013), temu bual separa berstruktur adalah suatu kaedah yang digunakan, untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci secara bersemuka dengan informan bagi mengenal pasti isu dan masalah kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah *purposive sampling*, di mana tiga orang sampel dipilih secara khusus berdasarkan penilaian pengkaji. Pemilihan ini dibuat bagi memastikan sampel yang terlibat, sesuai dan relevan dalam memenuhi kehendak kajian (Babbie 2002). Sampel yang dipilih oleh pengkaji terdiri daripada kakitangan dan ejen ARC yang bertugas di pejabat ARC, di Denai Alam. Dalam kajian kualitatif, tiada sebarang ketetapan dalam memastikan saiz sampel, maka jumlah responden yang ditemu bual bukanlah aspek utama kajian (Patton 2002). Oleh yang demikian, fokus utama kajian ini adalah untuk menggali dengan lebih mendalam terhadap peristiwa yang dikaji, bukannya untuk membuat generalisasi kepada populasi secara keseluruhan (Creswell, 2002). Berikut adalah senarai informan yang menjadi peserta kajian ini:

Jadual Peserta Kajian

Bil	Peserta Kajian	Butiran Informan
1	Informan 1	Naib Presiden ARC
2	Informan 2	Kakitangan Media ARC
3	Informan 3	Ejen ARC

Penggunaan kedua-dua kaedah pengumpulan data ini bertujuan untuk memastikan data yang diperoleh mencapai tahap kesahan (*validity*) untuk menjawab objektif serta persoalan kajian. Kajian ini telah mengaplikasikan teknik triangulasi melalui gabungan dua atau lebih kaedah dalam pengumpulan data bagi tujuan menganalisis perilaku manusia (Cohen, Manion & Morrison, 2000). Seterusnya, kaedah pemeriksaan informan juga diterapkan pada kajian supaya data-data temu bual menepati tahap kebolehpercayaan (*reliability*) dalam usaha mendapatkan hasil kajian yang berkualiti (Lincoln & Guba 1985). Kaedah analisis kandungan dokumen diterapkan semula untuk menganalisis data-data dokumen dan temu bual mengikut kaedah tematik. Menurut Mustaqim Roslan (2024), analisis tematik melibatkan lima langkah utama, iaitu mentranskripsikan temu bual secara verbatim, menyusun soalan, melakukan pengkategorian awal, mengenal pasti tema, dan proses koding.

Konsep Pengurusan Harta di Syarikat Ar Rasyidin Consultancy (ARC)

Harta adalah amanah daripada Allah SWT kepada manusia supaya diuruskan dan dikelola dengan baik. Hal ini dapat ditemukan dalam surah al-Baqarah, ayat 188. Ayat yang panjang ini memberikan peringatan tentang larangan terhadap perlakuan khianat, menggunakan jalan yang salah dengan mengambil harta orang lain. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2024), harta adalah barang-barang berharga, yang dipunyai oleh seseorang. Harta juga merupakan segala sesuatu yang bermanfaat secara sah mengikut hukum syarak (Nizaruddin, 2019). Harta dapat didefinisikan sebagai segala apa yang dimiliki oleh seseorang sama ada dari segi material atau manfaat mengikut syarak. Maka, pemilik bertanggungjawab dalam menguruskan hartanya dengan baik kerana ia

adalah amanah. Pengurusan harta merujuk kepada perancangan terhadap harta yang dimiliki supaya dapat diagihkan kepada pihak yang layak, agar tidak musnah begitu sahaja. Hal ini dapat disokong oleh Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad (2013), yang mengatakan bahawa perancangan pengurusan harta memerlukan perancangan awal, bagi mengelakkan sebarang masalah kegagalan pengagihan harta pusaka waris disebabkan aset telah beku.

Pengurusan harta dalam Islam adalah proses sistematik yang melibatkan perancangan, pengelolaan, dan pengagihan harta bagi memastikan keberkatannya serta pematuhan kepada prinsip syarak. Menurut Rusnadewi Abdul Rashid dan Nor Hisyam Ahmad (2013), pengurusan harta boleh dibahagikan kepada dua fasa: semasa hayat pemilik harta dan selepas kematian. Semasa hayat, individu digalakkan untuk merancang harta melalui instrumen seperti hibah, wasiat, dan wakaf. Selepas kematian pemilik, pengagihan harta dilakukan berdasarkan hukum faraid, yang mengatur pembahagian harta pusaka kepada waris. Adalah penting bagi ahli waris untuk memahami konsep serta prosedur pentadbiran pusaka di Malaysia sebagai persediaan awal menghadapi kemungkinan kehilangan ahli keluarga terdekat (Nur Fadlin Binti Roslan & Azlin Alisa Ahmad, 2022). Konsep pengurusan dalam perspektif Islam menekankan pemilikan harta sebagai amanah yang perlu diuruskan dengan bijaksana dan bertanggungjawab. Dalam konteks ini, pengurusan harta bukan hanya menyentuh aspek material, tetapi juga mencakupi nilai-nilai etika dan sosial yang penting untuk kesejahteraan masyarakat. Menurut Alias Azhar et al., (2014), menekankan bahawa pengurusan harta pusaka menurut perspektif Islam memainkan peranan utama dalam mengekalkan keharmonian hubungan dalam institusi kekeluargaan di Malaysia. Oleh itu, pengurusan harta dalam Islam tidak hanya tertumpu pada aspek material tetapi juga mengambil kira implikasi etika dan sosial terhadap masyarakat secara keseluruhan.

Islam telah memberikan tatacara yang pengurusan harta yang baik melalui pensyariaan faraid, sebagai satu kaedah pembahagian harta yang mempunyai ketetapan tertentu kepada waris apabila seseorang meninggal dunia. Berbeza dengan wasiat, iaitu salah satu kaedah pembahagian harta yang disyariatkan apabila seseorang meninggal dunia, yang diberikan selain daripada ahli waris (Alias Azhar e tal., 2014). Adapun hibah merupakan pemberian harta secara sempurna kepada seseorang semasa

pemilik masih hidup. Hibah adalah pelengkap kepada kaedah faraid serta alternatif bagi mengurangkan masalah harta menjadi aset beku selepas pemilik meninggal dunia kerana hibah tidak perlu melalui proses yang rumit seperti pembahagian harta pusaka faraid (Rusnadewi Abdul Rasyid & Nor Hisyam Ahmad, 2013). Perlu diketahui bahawa, jika penerima hibah meninggal dunia, harta yang dihibahkan tidak akan kembali kepada pemilik sebelumnya kerana ia adalah milik si mati. Seterusnya adalah pensyarian wakaf, ia adalah salah satu mekanisme pembahagian harta yang digalakkan dalam Islam yang membawa konsep sedekah. Walhal, wakaf juga telah memberikan sumbangan yang sangat besar bagi umat Islam, termasuk pembangunan ekonomi, pembangunan fasiliti, masjid, pendidikan dan sebagainya. Namun pengurusan wakaf di Malaysia turut mengalami pelbagai kesukaran dan masalah yang perlu ditangani dari segi pengurusan pentadbiran dan harta wakaf (Asharaf Mohd Ramli et al., 2022).

Terdapat banyak faktor yang telah dikenal pasti menyebabkan pembekuan aset di Malaysia dan antara faktor utamanya adalah perundangan. Peruntukan perundangan di Malaysia yang melibatkan proses pembahagian harta pusaka faraid di Malaysia adalah rumit, mengambil tempoh masa yang lama dan turut memerlukan kos yang tinggi untuk harta-harta tersebut dicairkan (Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzlinna Shah Shahar & Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan, 2016). Kelemahan sistem pentadbiran dalam institusi yang terlibat turut menjadi faktor yang menyebabkan proses tuntutan harta beku tidak dapat dilakukan. (Syaryanti Hussin et al., 2023). Tambahan lagi, pertelingkahan antara ahli waris kerana tiada sifat tolak ansur dan bantu-membantu antara satu sama lain kerana sikap tamak terhadap harta pusaka turut menjadi punca. Terdapat juga sebahagian ahli waris memandang remeh tentang berkenaan harta pusaka serta tidak bekerjasama dalam proses menuntut harta pusaka, menyebabkan harta tidak dicairkan dan terbiar beku. (Syaryanti Hussin et al., 2023).


Oleh yang demikian, terdapat banyak agensi yang ditubuhkan dalam membantu proses pengurusan harta di Malaysia termasuklah Ar Rasyidin Consultancy (ARC). ARC adalah sebuah syarikat takaful yang ditubuhkan pada tahun 2012. Tujuan penubuhan syarikat takaful adalah untuk memberikan pelan kepada umat Islam terhadap pengurusan risiko dan kontrak yang dijalankan adalah menepati syarak. Setiap urusan yang

dijalankan adalah tanpa penglibatan unsur judi, riba dan yang meragukan (Nur Atikah Rosli, 2022). Selain daripada membantu pengguna dalam memberikan panduan serta menjalankan khidmat kepada pengguna, ARC turut merekrut ahli yang berkualiti supaya dapat memberikan khidmat yang terbaik. Menurut Nor Arini Abdullah & Shahir Akram Hassan (2023), perkhidmatan ejen yang mempunyai nilai dan etika yang berkualiti dapat memberikan kepuasan kepada pengguna di samping mencapai semua objektif takaful. Selain itu, sebagai sebuah syarikat takaful, ARC juga memastikan objektif dan penawaran produk-produk yang diperkenalkan adalah selari mengikut ketetapan prinsip-prinsip syariah. Beberapa kaedah yang telah digunakan oleh ARC dalam urusan pengurusan harta pengguna bagi mengelakkan harta mereka dibekukan akan diperincikan dalam sub topik seterusnya.

Pendekatan Syarikat Ar Rasyidin Consaltancy (ARC) dalam menangani Isu Aset Beku di Malaysia

Setiap organisasi sudah pasti mempunyai kaedah yang tersendiri dalam menangani masalah aset beku di Malaysia. Terdapat beberapa solusi dan alternatif yang boleh digunakan oleh syarikat ARC dalam masalah aset beku. Kaedah kepada pencegahan dan resolusi kepada isu harta beku sangat penting untuk membantu mengurangkan pertambahan aset pusaka yang belum dituntut (Nik Rahim Nik Wajis et al., 2018). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat kaedah yang digunakan oleh ARC dalam menangani isu aset beku di Malaysia iaitu saranan melakukan perancangan asas, galakan mengambil geran takaful, sasaran kepada golongan berpendapatan tinggi dan proaktif dalam merekrut ejen. Berikut adalah dapatan umum terhadap kaedah pengurusan harta di syarikat ARC seperti gambar rajah di bawah:

Rajah 1: Dapatan Kajian Umum



Sumber: Olahan dari Perbincangan Kajian

Saranan melakukan Perancangan Asas

Kehidupan yang baik bermula dengan perancangan yang tersusun. Perancangan merujuk kepada takrifan daripada perbuatan merancang dan mengatur sesuatu terlebih dahulu (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2024). Dalam konteks pemilikan harta, pemilik perlu melakukan perancangan harta. Pemilik harta yang bijak, akan mengurus dan merancang harta yang dimilikinya. Menurut Rusnadewi Abdul Rashid dan Nor Hisyam Ahmad (2013), pengurusan dan perancangan harta bukan sahaja penting tetapi juga memberikan manfaat yang besar. Perancangan asas boleh didefinisikan sebagai pengurusan harta pusaka, iaitu perancangan terhadap harta yang akan ditinggalkan oleh pemilik selepas kematiannya. Hal ini disokong oleh Noor Syahida Abdul Rahman et al., (2018) yang mengatakan bahawa, perancangan harta adalah suatu langkah pengurusan terhadap harta yang dimiliki semasa hidup dalam memudahkan proses pemindahan hak milik kepada waris atau mereka yang layak.

Naib Presiden ARC (Tarmizi, 2024) menegaskan bahawa wasiat adalah salah satu elemen utama dalam perancangan asas dan yang paling awal disarankan kepada pengguna semasa sesi khidmat nasihat. Di Malaysia, undang-undang menetapkan bahawa setiap harta pusaka akan dibekukan

terlebih dahulu, sebelum usaha pencairan aset dilakukan. Hal ini berpunca daripada pengamalan sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia masih dipengaruhi oleh perundangan yang ditinggalkan oleh penjajah (Wan Suraya Wan Hassin et al., 2016). Namun begitu, harta yang telah diwasiatkan mempunyai peluang untuk dicairkan dan boleh dituntut selepas berlaku pembekuan. Oleh itu, wasiat adalah perancangan asas yang perlu dilakukan awal kerana ia hanya boleh dilakukan semasa pemilik masih hidup.

Menurut Resali Muda (2016), wasiat adalah pesanan dan pemberitahuan yang diinginkan oleh seseorang untuk dilaksanakan selepas kematiannya. Oleh itu, wasiat merujuk kepada pemakluman hasrat seseorang yang perlu ditunaikan selepas ketiadaannya. Berdasarkan hukum pensyariaan wasiat, orang Islam boleh mewasiatkan satu pertiga daripada hartanya. Hal ini juga dibenarkan di dalam perundangan Malaysia, harta yang diwasiatkan terletak di bawah peruntukan Harta Pusaka Berwasiat (Resali Muda, 2016). Tindakan ARC menekankan wasiat sebagai perancangan asas adalah sejajar dengan prinsip syariat Islam dan perundangan di Malaysia. Mohd Ali Mohd Yusuf & Basri Ibrahim (2021) turut mengakui bahawa wasiat memainkan peranan yang besar dalam isu aset beku yang berlaku di Malaysia.

Seperti yang diutarakan sebelum ini, pemilik harta boleh mewasiatkan satu pertiga sahaja daripada seluruh hartanya. Mengikut syarak, sebahagian daripada lebihan harta yang tidak diwasiatkan akan dibahagikan mengikut hukum faraid. Namun dari segi praktikal di Malaysia, harta yang tidak diwasiatkan akan beku dan melibatkan proses yang panjang serta memakan kos belanja yang besar untuk dicairkan sebelum dapat difaraidkan (Nik Rahim Nik Wajis e tal., 2018). Seterusnya, faktor utama kebanyakan keluarga memutuskan untuk tidak mencairkan harta yang terbeku adalah disebabkan menelan kos belanja yang tinggi, sehingga melebihi nilai harta yang terbeku (Tarmizi, 2024). Lebih menambah beban apabila ahli waris perlu berdepan dengan pelbagai institusi dan melibatkan pengurusan dokumen yang merumitkan. Secara minima, terdapat empat institusi serta perlu dilalui yang melibatkan pelbagai peruntukan serta prosedur pengurusan dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia (Resali Muda, 2016).

Perancangan asas ini adalah mustahak untuk dilakukan segera supaya harta yang dimiliki tidak terbiar beku kelak. Pengkaji turut berpendapat bahawa wasiat menjadi suatu keperluan pada hari ini dan ia bertepatan dengan syariat Islam. Namun berdasarkan pemerhatian pengkaji, pengamalan wasiat dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia khususnya, masih rendah. Hal ini disokong oleh Wan Suraya Wan Hassin et al., (2016), yang mendapati bahawa masyarakat menyangka tiada keperluan kepada wasiat kerana pembahagian harta mengikut hukum faraid sudah mencukupi. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa perancangan awal yang diketengahkan oleh ARC melalui kaedah wasiat adalah cadangan solusi yang baik dalam menangani isu aset beku.

Galakan mengambil Geran Takaful

Takaful adalah istilah yang dipinjam daripada bahasa Arab, merujuk kepada insurans yang mematuhi dasar dan hukum syariah. Takaful juga bermaksud sebuah instrumen yang berfungsi sebagai sistem yang melindungi individu ataupun hartanya, selaras dengan pendekatan kewangan Islam yang diamalkan di Malaysia (Anis Nadhirah Nor Mukhsar et al., 2023). Industri takaful telah mencatatkan perkembangan yang pesat di Malaysia dengan pelbagai produk yang dirangka berdasarkan akad kontrak Islam seperti mudarabah, wakalah, dan tabarru' (Nur Atikah Rosli, 2022). Jika di ARC, produk takaful yang ditawarkan oleh syarikat adalah akad tabarru' kepada semua pengguna. Bank Negara Malaysia juga menetapkan bahawa akad tabarru' adalah kontrak asas yang wajib wujud dalam setiap produk takaful (Anis Nadhirah Nor Mukhsar et al., 2023).

Akad tabarru' ditakrifkan sebagai akad yang berteraskan konsep pemberian sukarela tanpa mengharapkan sebarang imbuhan (Don et al., 2020). Sehubungan dengan itu, ARC menawarkan produk hibah dan wakaf yang mengandungi geran takaful yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 (Izer, 2024). Sepertimana yang dinyatakan oleh Mohd Afandi Awang Hemat & Muhammad Muhaimin Ghazali (2019), APKI 2013 merupakan undang-undang yang selari sepenuhnya dengan syariah dari sudut pengawalan dan penyeliaan, lesen serta pembubaran sesebuah organisasi. Menurut Naib Presiden ARC (Tarmizi, 2024), geran yang diwujudkan di bawah APKI 2013 juga tidak boleh dicabar kesahihannya kerana mempunyai peruntukan yang khas dalam undang-undang. Produk takaful di bawah akta ini memberikan

faedah kewangan kepada pengguna seperti yang tertulis di dalam APKI 2013 (Khairul Anuar Ahmad et al., 2023).

Setiap produk takaful mempunyai faedah yang khusus seperti memberikan jaminan perlindungan diri atau ahli keluarga jika ditimpa musibah ataupun harta (Anis Nadhirah Nor Mukhsar et al., 2023). Manakala hibah pula, adalah salah satu produk utama dalam penawaran takaful yang juga mempunyai pelbagai tujuan dan fungsi khusus. Sebagai contoh, produk hibah yang ditawarkan di bawah ARC adalah sebuah aset baharu yang diwujudkan menggunakan geran takaful. Aset baharu ini akan digandakan mengikut pakej tahunan dan jumlah yang dibeli oleh pengguna sebelum diserahkan kepada nama penerima hibah yang dipilih pengguna. Pengguna boleh memilih seorang atau lebih, nama penerima yang ingin dihibahkan dalam senarai penerima hibah. Hal ini selaras dengan konsep takaful iaitu menekankan prinsip saling tolong-menolong dan perlindungan antara individu, melalui kewujudan aset yang baru (Khairul Anuar Ahmad et al. 2023).

Seterusnya, produk wakaf yang ditawarkan oleh ARC menggunakan pendekatan yang hampir serupa dengan hibah, tetapi berteraskan akad wakaf. Aset baharu akan diwujudkan berdasarkan jumlah pakej dan tahun yang dibeli oleh pengguna, tetapi menggunakan kontrak wakaf (Izer, 2024). Maka, geran takaful yang dibeli, boleh ditukar kepada tunai, harta wakaf yang tersedia, peruntukan dana pengurusan wakaf atau perkara yang melibatkan wakaf. Wakaf tunai memainkan peranan yang besar dalam memberi maslahat kepada umat serta memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan ekonomi negara (Asharaf Mohd Ramli et al., 2022). Tambahan daripada Naib Presiden ARC (Tarmizi, 2024), meskipun aset yang dihasilkan daripada produk hibah dan wakaf ini juga beku terlebih dahulu, tetapi ia mudah dicairkan, melibatkan kos rendah, dan tidak memerlukan masa yang panjang untuk dilaksanakan. Selain itu, aset ini tidak dikira sebagai harta pusaka, menjadikannya lebih fleksibel untuk disalurkan kepada penerima manfaat.

Sebagaimana kes yang melibatkan seorang pengguna yang membeli produk hibah menggunakan sebahagian simpanannya telah terlibat dalam kemalangan dan disahkan meninggal dunia. Namun, melalui produk hibah yang telah diwujudkan, keluarga mangsa berjaya menuntut harta bernilai RM3 juta dalam tempoh hanya 10 hari (Tarmizi, 2024). Proses pencairan

harta tersebut berjalan lancar tanpa perlu melalui prosedur yang rumit dan panjang di mahkamah. Kes ini menonjolkan kelebihan produk hibah sebagai instrumen kewangan yang efisien dalam memastikan kelangsungan kewangan keluarga si mati. Dengan proses tuntutan yang mudah, hibah dapat berfungsi sebagai mekanisme yang signifikan untuk mengelakkan keluarga daripada beban kewangan akibat kelewatan dalam pengurusan harta pusaka. Wang bernilai RM 3 juta itu juga boleh dimanfaatkan sebagai dana untuk mencairkan sebahagian harta pengguna yang mungkin terbeku (Tarmizi, 2024). Contoh ini menunjukkan kepentingan kesedaran masyarakat terhadap manfaat hibah dalam perancangan kewangan. Selain menyediakan perlindungan kewangan segera, hibah turut mengurangkan tekanan emosi keluarga semasa menghadapi kehilangan, menjadikannya instrumen yang relevan untuk memenuhi keperluan kewangan keluarga di Malaysia.

Sasaran kepada Golongan Berpendapatan Tinggi

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2024), sasaran merujuk kepada hala tujuan yang ingin dicapai. Dalam konteks syarikat takaful, sasaran strategik ditentukan berdasarkan fokus produk yang ditawarkan. Di Malaysia, penawaran produk takaful terbahagi kepada dua kategori utama: takaful keluarga, yang menyediakan manfaat perlindungan untuk diri dan keluarga, serta takaful am, yang meliputi perlindungan terhadap kerugian harta benda (Anis Nadhirah Nor Mukhsar et al., 2023). Walaupun terdapat produk yang serupa antara syarikat takaful, sasaran pengguna mungkin berbeza disebabkan oleh pendekatan pemasaran yang pelbagai (Nur Atikah Rosli, 2022). Selain itu, faktor kepelbagaian tahap pendapatan penduduk Malaysia turut mempengaruhi strategi penentuan sasaran. Menurut Naib Presiden (Tarmizi, 2024) dan kakitangan media (Muzahar, 2024) yang bertugas di pejabat operasi memaklumkan bahawa, ARC memilih untuk mengutamakan khidmat nasihat kepada golongan yang berpendapatan tinggi iaitu golongan T20.

Untuk menjustifikasikan sasaran golongan pendapatan, adalah penting untuk memahami konsep pengkelasan yang digunakan terlebih dahulu. Di Malaysia, kategori pendapatan isi rumah dikelaskan kepada tiga kumpulan utama, iaitu B40, M40, dan T20. Pengkelasan ini dilakukan berdasarkan tahap purata pendapatan isi rumah. Menurut Siti Mariam Gulam dan Dzurizah Ibrahim (2023), statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

pada tahun 2020 menunjukkan bahawa golongan B40 merangkumi isi rumah dengan pendapatan antara RM1,929 hingga RM4,850. Seterusnya, golongan M40 terdiri daripada mereka yang berpendapatan antara RM5,336 hingga RM10,970, disusuli golongan T20 mempunyai pendapatan sebanyak RM12,586 dan ke atas. Menurut Mohamad Zaharuddin Zakaria et al., (2019), golongan B40 adalah golongan yang paling banyak melakukan pengeluaran untuk perbelanjaan harian, sekitar 80 peratus daripada pendapatan. Manakala pengeluaran bagi golongan M40 dan T20 pula hanya sekitar 48 hingga 64 peratus daripada pendapatan.

Statistik yang dikemukakan menunjukkan bahawa golongan M40 dan T20 memiliki simpanan atau lebih harta yang lebih banyak berbanding golongan B40. Keadaan ini menyebabkan mereka berisiko menyumbang kepada jumlah aset beku yang signifikan sekiranya tidak mendapatkan khidmat nasihat yang berkaitan dengan pengurusan harta. Menurut Wan Suraya Wan Hassin e tal., (2016), kelalaian menguruskan harta dengan baik boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan ekonomi negara, kerana harta tersebut menjadi beku dan tidak dapat dimanfaatkan secara optimum. Oleh itu, ARC memberi keutamaan kepada golongan T20 dalam strategi perkhidmatan mereka. Pendekatan ini bertujuan membantu golongan berpendapatan tinggi mengurus dan merancang aset mereka dengan lebih berkesan, sekali gus mengurangkan potensi aset beku. Namun demikian, ARC tidak mengabaikan keperluan golongan selain T20. Syarikat ini tetap menyediakan khidmat nasihat kepada golongan B40 dan M40 apabila diperlukan.

Langkah ini menunjukkan komitmen ARC dalam memastikan khidmat pengurusan harta yang inklusif dan bersesuaian dengan keperluan setiap golongan masyarakat, tanpa mengira tahap pendapatan. Usaha ini juga mengukuhkan kedudukan ARC sebagai syarikat takaful yang holistik dan berorientasikan nilai-nilai Islam. Selari dengan konsep asas takaful yang mengambil berat tentang kerjasama, memberikan perlindungan dan jaminan sesama individu (Anis Nadhirah Nor Mukhsar et al., 2023). ARC mengimbangi fokus kepada golongan T20 dengan menyokong golongan B40 dan M40 melalui khidmat nasihat dan perancangan kewangan yang bersesuaian. Ini sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui harta yang dimiliki oleh pelbagai lapisan masyarakat, selaras dengan prinsip keadilan sosial dalam sistem kewangan Islam.

Dengan langkah ini, ARC bukan sahaja membantu mengurangkan beban pentadbiran aset beku tetapi turut memperkuat daya tahan ekonomi dan sosial negara secara keseluruhan.

Proaktif dalam merekrut Ejen

Definisi ejen menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2024), merujuk kepada individu yang melaksanakan urusan perniagaan bagi pihak orang lain. Dalam industri takaful, ejen takaful berperanan sebagai perantara bagi syarikat takaful dalam memasarkan dan memperkenalkan pelbagai produk takaful kepada masyarakat (Nor Arini Abdullah & Shahir Akram Hassan, 2023). Sebagai wakil kepada syarikat takaful, ejen takaful bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat dan maklumat berkaitan produk kepada pengguna. Ejen memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan kelangsungan syarikat sentiasa utuh. Ejen bertanggungjawab memastikan pelanggan mendapat pemahaman yang tepat mengenai produk yang ditawarkan di samping perlu memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan sentiasa sejajar dengan matlamat syarikat (Nor Atikah Rosli, 2022). Hal ini penting untuk mengelakkan pelanggan beralih ke syarikat lain, kerana perubahan tersebut boleh memberi impak negatif terhadap imej korporat dan reputasi organisasi.

Seterusnya, ARC bukan sekadar proaktif dalam merekrut ejen, tetapi ARC merekrut ejen yang dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi (Muzahar, 2024). Ejen yang dipilih perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, pengetahuan yang mendalam tentang produk, dan etika kerja yang tinggi. Keperluan sikap yang baik bagi seorang ejen adalah penting untuk memastikan mereka menjalankan tanggungjawab supaya matlamat pengguna juga dapat dicapai. Keperluan akhlak yang baik bagi seorang ejen adalah penting untuk memastikan mereka menjalankan tanggungjawab dengan jujur, berintegriti, dan menjaga kepercayaan pelanggan, yang sekaligus memperkuat reputasi syarikat yang diwakili (Nor Arini Abdullah & Shahir Akram Hassan, 2023). Proses pemilihan yang teliti ini memastikan bahawa ejen yang dilantik dapat mewakili syarikat dengan profesionalisme, memberi keyakinan kepada pelanggan, dan mencegah berlakunya kehilangan pelanggan atau kemerosotan imej syarikat.

Pendekatan ejen ARC kepada pengguna masih menggunakan kaedah tradisional, iaitu secara bersemuka dalam memberikan kesedaran berkenaan takaful (Muzahar, 2024). Hal ini kerana ARC berpendapat kaedah ini lebih efektif walaupun dunia pada hari ini telah berkembang maju. Kakitangan media ARC (Muzahar, 2024) menambah, platform media yang digunakan oleh ARC hanya fokus kepada penerangan yang diperlukan oleh ejen dan bukan kepada penerangan kesedaran takaful. Hal ini disebabkan, penerangan mengenai pengurusan harta serta pendedahan berkaitan aset beku hanya dapat disampaikan secara efektif oleh ejen yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Menurut Nor Arini Abdullah & Shahir Akram Hassan (2023), ejen takaful perlu mengamalkan sifat kebersamaan dan empati terhadap peserta takaful, serta menunjukkan kesabaran dalam berkomunikasi. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman peserta terhadap takaful, tetapi juga menjadi salah satu kaedah efektif dalam menangani isu aset beku, kerana ia membantu memastikan waris memahami kepentingan perancangan kewangan dan pengurusan harta pusaka dengan betul.

ARC tidak mengambil ringan dan berlepas tangan terhadap tanggungjawab syarikat kepada ejen. Selain daripada proaktif merekrut ejen-ejen yang berkualiti, ARC sentiasa memberikan pantauan dan latihan dari semasa ke semasa supaya ejen dapat konsisten dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pengguna (Tarmizi, 2024). Pemantuan yang baik daripada syarikat dapat membantu memastikan segala penyebaran promosi dan maklumat tentang takaful melalui ejen, berjalan dengan terancang dan jelas. Bank Negara Malaysia (BNM) bukan sahaja memberikan beberapa garis panduan kepada syarikat takaful berkaitan produk, tetapi berkaitan ciri-ciri ejen yang diperlukan (Mohd Faiz Mohamed Yusof et al., 2015). Berdasarkan perbincangan di atas, pengambilan ejen yang berkualiti memberikan kesan yang besar dalam usaha mendekati pengguna, untuk memberikan kesedaran tentang aset beku di samping menawarkan produk takaful, sekaligus memberikan solusi kepada pengguna.

Kesimpulan

Tuntasnya, perancangan harta pusaka umat Islam di negara ini adalah sangat diperlukan dalam menangani isu aset beku di Malaysia. Aset beku ini terjadi apabila berlakunya kematian kepada pemilik aset dan ia tidak

dapat dicairkan kepada pemilik baharu. Hal ini kerana pemilik aset tidak melakukan perancangan baik melibatkan dokumen khas bagi melancarkan proses pindah milik selepas ketiadaannya. Walaupun begitu, masih ramai pemilik aset tidak melakukan perancangan baik melibatkan dokumen khas bagi melancarkan proses pindah milik sebelum ketiadaannya. Masalah ini bukanlah suatu yang baru, tetapi sudah berlanjutan hinggalah berbilion harta umat Islam tidak dapat dicairkan di negara ini. Sungguhpun belum dapat diperincikan jumlah aset orang Islam dan bukan Islam pada tahun 2016, sebanyak RM60 bilion aset beku di Malaysia yang merangkumi rumah, tanah dan wang tunai. Aset beku yang direkodkan hingga kini telah mencecah RM90 bilion dan amat menyedihkan apabila sebahagian besarnya adalah hak milik orang Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat pendekatan yang digunakan oleh syarikat ARC dalam menangani isu aset beku di Malaysia iaitu saranan melakukan perancangan asas, galakan mengambil geran takaful, sasaran kepada golongan berpendapatan tinggi dan proaktif dalam merekrut ejen. Pelan tindakan yang drastik diperlukan oleh kerajaan Malaysia dalam memastikan aset beku dapat dicairkan demi kelangsungan ekonomi orang Islam di negara ini. Kajian lanjutan diperlukan dalam penerokaan kaedah baharu yang lebih komprehensif agar aset-aset beku di Malaysia dapat diselesaikan segera.

Rujukan

- Abdul Ghafar, Don, Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat@Kawangit & Badlihisham Mohd Nasir. (202). Pendekatan Filantropi Dakwah Dalam Membangun Kesejahteraan Masyarakat. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*.
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Fauziah Mohd Noor. (2014). Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 14.
- Anis Nadhirah Nor Mukshar, Noor Aimi Mohd Puad & Khairul Anuar Ahmad. (2023). Model Takaful Di Malaysia: Isu dan Cabaran. *International Journal of Islamic Economics and Finance Reseach*, 18.

- Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Khairuneezam Mohd. Noor, Siti Suriani Othman, H.M. Rachmat Effendi & Edi Setiadi. (2022). Pengurusan Dana Wakaf Tunai Bagi Pembangunan Ekonomi Umat Islam: Pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). *International Journal of Islamic Economics and Finance Reseach*, 13.
- Aziz, I. H. (2016, Mac 29). *RM60b harta umat Islam tidak dituntut*. Didapatkan dari Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/03/138450/rm60b-harta-umat-islam-tidak-dituntut>
- Izer, A. A. (2024, Oktober 20). Pengenalan tentang Ar Rasyidin. (L. A. Chayat, Penemu duga)
- Khairul Anuar Ahmad, Fakhri Sungit, Mohd Isa Mohd Deni, Nur Aimi Mohd Puad, Marhanum Che Mohd Salleh, Mohd Hafizal Elias & Anis Nadhirah Nor Mukhsar. (2023). Model Takaful Berasaskan Filantropi di Malaysia: Isu, Cabaran dan Keperluan. *Journal of Muwafaqat*, 19.
- Mohamad Zaharuddin Zakaria, Ahmad Zaki Salleh, Mushaddad Hasbullah, Abdul Manan Ismail, Mohd Nasir Abdul Majid, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali & Mohd Afiq Ab Jalil. (2019). Wakaf Sukuk-Pembangunan Aset Wakaf Melalui Sukuk Berdasarkan Konsep Istibdal. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9.
- Mohd Afandi Awang Hamat & Muhammad Muhaimin Ghazali. (2019). Peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam Memperkasakan Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah dan Institusi Islam di Malaysia. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 13.
- Mohd Ali Mohd Yusuf & Basri Ibrahim. (2021). Kedudukan Wasiat Sebagai Satu Hak Harta Peninggalan menurut al-Quran. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 16.

- Mohd Faiz Mohamed Yusof, Nurhanani Romli, Zulzaidi Mahmod & Joni Tamkin Borhan. (2015). Tadbir Urus Syariah dalam Industri Takaful di Malaysia: Implikasi Pra dan Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. *Sains Humanika*, 9.
- Muda, R. (2016). Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran. *Malaysia Journal of Syariah and Law*, 10.
- Muzahar, M. M. (2024, November). Sasaran Ar Rasyidin Consultancy. (L. A. Chayat, Penemu duga)
- Nik Rahim Bin Nik Wajis, Lukman Bin Abdul Mutalib, Azman Ab. Rahman, Mualimin Mochammad Sahid, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Mohd Hazmi Mohd Rusli, Mahmoud Mohamed Ali, Muneer Ali Abdul Rab, Setiyawan Gunardi & Mariam Saidona Tagoran. (2018). HartaTak Dituntut: Punca dan Kaedah Penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 14.
- Nizaruddin. (2019). Konsep Kepemilikan Harta Perspektif Ekonomi Syari'ah. *Adzkiya: Jurnal Hukum dan Ekonomi Syariah*, 20.
- Noor Syahida Abdul Rahman, Hasliza Talib, Nurhayati Abd. Ghani, Nur Zulfah Md Abdul Salam & Nurul Syafini Abd Rahman. (2018). Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Lembah Klang. *Journal of Muwafaqat*, 22.
- Nor Arini Abdullah & Shahir Akram Hassan. (2023). Pengaruh Tahap Akhlak Ejen Takaful Terhadap Gelagat Etika Kerja Ejen Takaful Menurut Perspektif Peserta Takaful. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 12.
- Nor Arini Abdullah & Shahir Akram Hassan. (2023). Pengaruh Tahap Akhlak Ejen Takaful Terhadap Gelagat Etika Kerja Ejen Takaful Menurut Perspektif Peserta Takaful. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 12.
- Nur Fadlin Roslan & Azlin Alisa Ahmad. (2022). Pentadbiran Harta Pusaka dan Implikasi Negatif Harta Tidak Dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 15.

- Pustaka, D. B. (2024, November). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Didapatkan dari Dewan Bahasa dan Pustaka: <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Rosli, N. A. (2022). Mengukur Kefahaman Ejen Terhadap Produk Takaful. *RABBANICA*, 18.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nur Hisyam Ahmad. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah. *Jurnal Hadhari*, 14.
- Siti Mariam Gulam & Dzurizah Ibrahim. (2023). Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 Ke Atas Peniaga Kecil B40 di Sektor Informal. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 9.
- Syaryanti Hussin, Zahari Mahad Musa, Norsuhaida Che Musa & Adzidah Yaakob. (2023). Pengurusan Harta Tak Dituntut Faktor dan Penyelesaian: Tinjauan Awal Literatur. *Simposium Penyelidikan MAINS 2023* (hlm. 170). Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Tarmizi, H. A. (2024, November 6). Bagaimana ARC Menjadi Alternatif Kepada Solusi Aset Beku. (L. A. Chayat, Penemu duga) *Tingkat kesedaran ambil hibah*. (2024, Februari 6). Didapatkan dari Harian Metro:<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/02/1058007/tingkat-kesedaran-ambil-hibah>
- Wan Suraya Wan Hassin, Wan Shahzlinda Shah Shahar & Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan. (2016). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Harta Pusaka Beku di Malaysia. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*, (hlm. 6).